

16 APR 2001

MAHATHIR-KDNK

SUKU PERTAMA KDNK MUNGKIN TIDAK SEBAIK YANG KITA MAHU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK ) bagi suku pertama tahun ini mungkin tidak sebaik yang diharapkan.

Bercakap kepada pemberita hari ini, beliau berkata kesan kemelesetan ekonomi AS telah dirasakan terlebih awal.

Semasa ditanya mengenai laporan bahawa Kementerian Kewangan akan menerbitkan bon Islam bernilai RM8 bilion bagi membiayai projek janakuasa Hidro-elektrik Bakun, beliau berkata beliau tahu mengenainya.

Empangan Bakun, yang terletak di hulu Sungai Rejang dekat Belaga, Sarawak telah diluluskan pada 1993. Pada asalnya ia dianggarkan menelan belanja kira-kira RM15 bilion tetapi projek itu telah ditunda berikutan krisis kewangan 1997.

Kerajaan membuat keputusan untuk meneruskan projek Bakun itu bulan lepas tetapi mengurangkan skalanya, dengan tidak membina kabel dasar laut yang menghubungkannya dengan Semenanjung Malaysia.

Projek janakuasa Hidro-elektrik Bakun yang dikecilkan skalanya itu akan menghasilkan 2,400 MW kuasa elektrik bagi Sabah, Sarawak, Brunei dan kemungkinan Kalimantan. -- BERNAMA

MFZ MKO SEL NHD OS